

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM  
(SEPUTEH)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 18.05.2016**

**Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM [ SEPUTEH ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai perancangan pemulihan MAS (*turnaround plan*) yang telah dilakukan oleh Christopher Mueller, Ketua Pegawai Eksekutif syarikat penerbangan MAS sejak beliau memegang jawatan tersebut. Nyatakan langkah pemulihan MAS yang akan dijalankan oleh MAS selepas Christopher Mueller meletakkan jawatan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelan Pemulihan MAS

(PPM) yang telah dilancarkan oleh Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) pada 29 Ogos 2014 memberi tumpuan kepada 12 bidang utama meliputi proses Tadbir dan Rangka Kerja Kewangan, Model Operasi Perniagaan, Kepimpinan dan Modal Insan serta Pengawalseliaan. Langkah-langkah pemulihan syarikat secara berperingkat sedang giat dilaksanakan oleh pasukan pengurusan Malaysia Airlines Berhad (MAB) yang diterajui oleh Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) syarikat, Christoph Mueller.

Di bawah kepimpinan Christoph Mueller, MAB telah mencatatkan kemajuan yang positif selaras dengan hasrat PPM dan akan terus memberi tumpuan kepada inisiatif-inisiatif untuk memulihkan syarikat. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan bagi mengurangkan kos operasi syarikat adalah menghentikan laluan yang tidak menguntungkan serta mengadakan kerjasama strategik dengan Emirates Airlines melalui perkongsian kod. Perkongsian ini akan menyediakan akses kepada rangkaian laluan Emirates Airlines yang lebih luas merangkumi 30 buah negara termasuk di benua Amerika Utara dan Selatan serta Afrika.

Selain itu, MAB berjaya mencatatkan prestasi "*on time performance*" (OTP), iaitu ketepatan waktu pelepasan dan ketibaan

pesawat pada kadar 95% bagi kesemua penerbangan yang melibatkan operasi domestik sepenuhnya. MAB juga akan membuat pembaharuan dengan menawarkan tempat duduk yang mendatar sepenuhnya (*fully lie-flat seats*) bagi Kelas Perniagaan untuk pesawat A330-300. Kesemua 15 pesawat jenis ini akan mula dilengkapi konfigurasi baru dan dijangka lengkap sepenuhnya pada bulan Ogos 2016.

Christoph Mueller telah berjaya menerajui MAB dan melaksanakan perancangan yang telah disusun oleh Khazanah. Bagaimanapun, Christoph telah memaklumkan hasrat beliau untuk melepaskan jawatan sebagai CEO MAB lebih awal daripada tempoh kontrak tiga tahun atas sebab peribadi. Namun begitu, beliau terus komited untuk memastikan proses peralihan dijalankan secara teratur dengan meneruskan tanggungjawab sebagai CEO sehingga September 2016 dan seterusnya kekal sebagai Pengarah Bukan Eksekutif MAB. Sehubungan ini, Khazanah selaku pemegang saham tunggal syarikat akan memastikan CEO baharu MAB meneruskan pelaksanaan PPM untuk memulihkan kembali prestasi syarikat penerbangan negara menjelang tahun 2018.